

Family Variables and Self Concept Variables

(Part 10)

Siti Sarawati Binti Johar

4.0 KOLEKSI KAJIAN TENTANG HUBUNGAN KONSEP KENDIRI DENGAN PENGARUH KELUARGA

4.1 Kajian Fantuzzo et. al (1995)

Kajian ini dilaksanakan untuk menentukan kesan penglibatan keluarga terhadap pembentukan konsep kendiri anak-anak. Dalam kajian ini, diperolehi responden seramai 72 orang pelajar dari gred 4 & 5 yang bermasalah dalam Matematik. Hasil kajian kemudiannya menunjukkan sekiranya wujudnya penyertaan aktif ibu bapa dalam aktiviti sehari-hari anak-anak dan dalam pembelajaran, ini akan menyumbang ke arah pembentukan konsep kendiri, tingkah laku baik & bercapaian cemerlang di kalangan anak-anak mereka. Dilaporkan juga bahawa wujudnya penglibatan ibu bapa dalam kajian ini seperti dengan cara menerima anak mereka seadanya, sentiasa memberikan peneguhan & galakan positif secara berterusan. Ringkasnya, penyertaan dan keaktifan ibu bapa melibatkan diri dan mengambil tahu aktiviti pembelajaran anak-anak mereka akan menyebabkan anak-anak rasa diberikan perhatian sekaligus meninggikan nilai konsep kendiri dan rasa harga diri sehingga menimbulkan semangat secara berterusan untuk mereka cemerlang dalam pelajaran.

4.2 Kajian Stott (1939 dalam Burns,1979)

Kajian dilakukan terhadap 1,800 orang dewasa. Hasil kajian didapati, konsep kendiri positif ada kaitan dengan cara penjagaan anak. Dilaporkan bahawa konsep penerimaan, keyakinan dan keserasian antara ibu dan anak berupaya untuk membentuk mentaliti dan tanggapan lebih positif dan bebas pada anak-anak mereka. Jelasnya, hubungan yang terbina antara ibu dan anak atau anak dan bapa jika bersifat positif dan kewujudan interaksi yang bermakna, maka terbentuklah konsep kendiri yang turut positif di kalangan anak-anak sehingga membawa kepada gaya penampilan yang dicontohi.

CONTINUE...